

# Dr. Mahathir, Pak Lah terus dapat pencalonan

UM - 2 APR 2000

KUALA LUMPUR 1 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus mendapat sokongan padu untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden menjelang pemilihan pucuk pimpinan Mei ini.

Hari ini bahagian Sungai Petani yang mengadakan mesyuarat perwakilan mencalonkan Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden dan Abdullah untuk jawatan Timbalan Presiden.

Keputusan itu menjadikan sebanyak 149 daripada 165 bahagian yang telah bermesyuarat mencalonkan Dr. Mahathir manakala 148 bahagian pula mencalonkan Abdullah bagi jawatan-jawatan berkenaan.

Bagi jawatan Naib Presiden UMNO pula, bahagian itu mencalonkan Datuk Seri Naiib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula terus mendapat sokongan apabila kesemua empat bahagian yang bermesyuarat hari ini mencalonkan beliau untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda.

Empat bahagian tersebut turut mencalonkan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir untuk jawatan Naib Ketua Pemuda.

Bahagian-bahagian itu ialah Kuala Kangsar, Parit Buntar, Bukit Gantang dan Gombak.

Keputusan itu menyaksikan Hishammuddin memperoleh 157 pencalonan manakala Abdul Aziz pula dengan 121 pencalonan bagi jawatan-jawatan berkenaan.

---

## Mencalonkan

Sementara itu dua mesyuarat Pergerakan Wanita UMNO hari ini mencalonkan Datuk Seri Rafidah Aziz dan Datuk Shahrizat Abdul Jalil untuk jawatan Ketua dan Naib Ketua Wanita.

Dua bahagian tersebut ialah Kuala Kangsar dan Gombak.

Rafidah kini memperoleh 91 pencalonan berbanding lawannya Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman yang kekal dengan 67 pencalonan manakala Shahrizat pula mendapat 87 pencalonan berbanding Aion Khariyah Mohd. Abas (47) dan Datuk Napsiah Omar (24).